

Bijak buat keputusan

Pilih wakil rakyat untuk perjuang masalah, bawa pembangunan: Md Jais

JULIZA MOHD SAAD

KLUANG

BN Kluang mengingatkan pengundi Parlimen Kluang agar menolak pembangkang pada PRU14 dan beri sokongan kepada BN demi pembangunan berterusan di kawasan Kluang.

Pengerusi BN Kluang, Datuk Md Jais Sarday berkata, calon dipilih pembangkang kebanyakannya orang luar dan bukannya calon tempatan yang

bersungguh-sungguh mahu membangunkan Kluang.

Katanya, pengundi Kluang perlu sedar dan bijak buat pilihan serta lihat perubahan yang dibawa BN di daerah ini.

"Saya juga mahu ingatkan pengundi, kita pilih wakil rakyat bukan semata-mata untuk duduk dalam Parlimen dan Dun, tetapi untuk wakil kita perjuangkan penyelesaian masalah dan membawa pembangunan ke kawasan kita.

"Bila kita pilih calon 'transit', rakyat tidak dapat apa-apa malah turut menjejaskan pembangunan di daerah ini," katanya kepada media selepas tinjauan mesra bersama peniaga Pasar Tani Kluang, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan pembangkang yang mempertaruhkan Setiausaha



Md Jais bersalaman dan beramah mesra dengan peniaga di pasar Tani Kampung Melayu.

Publisiti DAP Johor yang juga penyandang kerusi Dun Senai Wong Shu Qi untuk bertanding di kerusi Parlimen Kluang.

Md Jais yang juga penyandang kerusi Dun Mahkota berkata, kekalahan kerusi Parlimen Kluang pada PRU13 kepada pembangkang sedikit sebanyak merencatkan pembangunan kawasan

tersebut dalam tempoh lima tahun ini dan sekali gus ianya merugikan pengundi.

Katanya, Kerajaan Pusat akan memperuntukkan pembangunan sebanyak RM5 juta setahun kepada Parlimen yang diwakili BN.

"Namun, kita tidak dapat peruntukan pembangunan RM5 juta setahun dari kerajaan dan disebabkan

kekalahan juga beberapa pembangunan lain seperti rancangan mewujudkan kampus cawangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Kluang tidak dapat diteruskan.

"Malah, pembangunan tersebut telah dipindahkan ke Pagoh, Muar," katanya.

Sehubungan itu, Md Jais meminta pengundi Kluang

bijak memilih wakil rakyat mereka terutama pengundi Kluang yang menetap di parlimen tersebut.

Beliau turut menasihatkan pengundi yang tidak menetap di Kluang agar perlu bersikap adil terhadap pengundi yang menetap di Kluang supaya agenda pembangunan dapat dilaksanakan berterusan.

"Saya yakin mereka yang tinggal di Kluang nampak apa yang BN lakukan selama ini. Yang tinggal di luar seperti di Kuala Lumpur atau Singapura dan sebagainya, mereka tidak nampak kerana tidak tinggal di sini.

"Jadi, tidak adil kalau mereka tidak sokong BN kerana yang tinggal di Kluang memerlukan pembangunan oleh BN. Saya harap rakyat perlu memikirkannya sebelum membuat keputusan demi pembangunan di daerah ini," katanya.